

04 MAR 2001

Mahathir-Keadilan (Bergambar)

PARTI KEADILAN HANYA MAHU BEBASKAN ANWAR IBRAHIM, KATA PM

PUTRAJAYA, 4 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Parti Keadilan Nasional tidak pernah mempedulikan soal keselamatan, ekonomi dan sosial negara, sebaliknya hanya memperjuangkan soal pembebasan bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata mereka sanggup melakukan demonstrasi dan keganasan semata-mata untuk menumbangkan kerajaan.

"Kita nak jaga keamanan, dia (Keadilan) tak pedulikan keamanan, ia nampak satu saja macam mana nak bebaskan Datuk Seri Anwar Ibrahim. Negara tak penting, ekonomi tak penting, keselamatan sosial tak penting, satu saja nak bebaskan Datuk Seri Anwar," katanya kepada pemberita selepas merasmikan sambutan Hari Lanskap Negara di sini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Ketua Pemuda Parti Keadilan Ezam Mohd Noor yang dilaporkan hari ini sebagai berkata bahawa parti itu mahu mengadakan demonstrasi besar-besaran untuk menggulingkan kerajaan.

Dr Mahathir berkata Parti Keadilan yang mengaku percaya kepada demokrasi, memperjuangkan keadilan sosial dan juga undang-undang, sebaliknya bertindak melakukan sesuatu yang di luar perjuangan itu.

Dr Mahathir berkata Parti Keadilan dilihat tidak langsung mempunyai rasa sayang dan patriotisme pada negara, sebaliknya ia sanggup menerima pujian daripada media asing apabila melakukan demonstrasi berkenaan.

"Malaysia mengamalkan demokrasi dan rakyat diberi peluang untuk menentukan sokongan pada mana-mana pihak melalui pilihan raya," katanya.

Perdana Menteri berkata pihak terbabit mengetahui jika amalan demokrasi dan menumbangkan kerajaan melalui demonstrasi jalanan diamalkan, keadaan kestabilan di negara ini akan terus tergugat selama-lamanya sekalipun jika mereka berkuasa kelak.

Ketika ditanya tindakan yang akan diambil oleh kerajaan untuk menangani perkara berkenaan, Dr Mahathir berkata : "Kita tengok banyak mana dia nak buat.

"Dia (Keadilan) tengok apa berlaku di negara jiran, dia macam seronok tengok huru-hara, pembunuhan orang Islam dan Kristian, Dayak dan Madura, dia merasa kecewa kerana tiada pembunuhan di Malaysia."

Mengenai portal Internet Malaysiakini.com yang dilaporkan mendapat pembiayaan penyangak mata wang antarabangsa George Soros, Dr Mahathir berkata : "Kita dah tahu lama dah."

"Orang yang sayang Malaysia takkan sokong Malaysiakini, dulu orang panggil pengkhianat, sekarang ini pengkhianat pun dah dapat penghormatan, disanjung tinggi,

"Orang ini memanglah menderhaka, menyuruh orang asing merosakkan negara sendiri, orang ini mengaku orang Malaysia, orang Malaysia apa?" katanya.

Jumaat lepas, bekas Editor Berita portal itu Chong Yen Long dilaporkan berkata bahawa Malaysiakini menerima RM188,000 daripada Media Development Loan Fund (MDLF), yang dipercayai dibiayai antara lain oleh Soros.

Chong dipetik sebagai berkata perkara mengenai pembiayaan itu pernah disebut oleh Ketua Pegawai Eksekutif portal itu, Premesh Chandran pada satu mesyuarat syarikat itu pada 17 Feb lepas.

Premesh bagaimanapun dilaporkan menafikan dakwaan Chong itu.

-- BERNAMA

MS AT ES MAI